



**BANJIR** kilat yang melanda Wisma Persekutuan Johor Bahru semalam.

## Wisma <sup>5/4/08</sup> Persekutuan JB banjir kilat

**BANJIR.** Buat sekian kalinya, sekitar Wisma Persekutuan antara bangunan tersibuk di Johor Bahru ditenggelami banjir kilat semalam.

Ia ekoran hujan lebat selama dua jam sejak pukul 3 petang menyebabkan lebih 50 motosikal dan 40 kereta ditenggelami air.

Paling teruk ialah tingkat bawah bangunan itu yang menempatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Imigresen menyebabkan urusan orang ramai di situ tergendala.

Banjir kilat sedalam kira-kira semeter itu juga mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang teruk di bandar raya ini.

Kejadian ini bukanlah baru di kawasan itu dan kerja-kerja menaik taraf saliran di situ sedang giat dijalankan.